

27 AUG 2002

Mahathir-Melayu

MASALAH EKONOMI MELAYU PERLU DIFIKIR SECARA WARAS DAN TENANG

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masalah jurang perbezaan ekonomi antara orang Melayu di bandar dan di luar bandar perlu diberi perhatian dengan fikiran yang waras dan tenang.

Beliau berkata kerajaan menyedari kewujudan masalah itu kerana ia telah lama wujud dan kerajaan telah cuba untuk memperbetulkan keadaan berkenaan.

"Kita akan cuba untuk membetulkan perkara itu. Kita akan tentukan sebab-sebab mengapa timbulnya perbezaan itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada majlis makan tengah hari sempena sambutan ulang tahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengatasi sebab-sebab itu dan pada masa yang sama, kerajaan juga akan mengambil kira maklumat balas daripada orang Melayu sendiri.

Mengenai sokongan parti Keadilan terhadap pelaksanaan hukum Hudud oleh kerajaan Pas Terengganu, Perdana Menteri berkata sokongan terhadap pelaksanaan hukuman itu sebenarnya lebih kepada sokongan politik kepada Pas.

"Keadilan lupa bahawa mereka menjadi alat Pas secara menyeluruh," katanya.

Mengenai cadangan Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik supaya suruhanjaya pendidikan kebangsaan ditubuhkan bagi mengkaji polisi pendidikan tanpa campur tangan politik, beliau berkata kerajaan akan mengkaji cadangan itu.

-- BERNAMA

SA ZU NMO